

02 JUN 2003

PAKLAH-KLBC

BERWASPADA UTK LINDUNGI KEJAYAAN UNIK KITA, KATA TPM

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pakej ekonomi RM7.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad disambut baik dan akan membantu negara mengharungi banyak masalah yang sedang dihadapi.

"KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) kita tahun ini dijangka RM383.6 bilion, pendapatan per kapita kita lebih RM14,000 dan, yang penting sekali pendapatan per kapita berasaskan kuasa membeli pariti hampir US\$9,000," katanya ketika berucap melancarkan Kelab Perniagaan Kuala Lumpur (KLBC) hari ini.

Walaupun menghadapi cabaran utama berpunca isu antarabangsa seperti perang menghadapi keganasan dan perang Iraq baru-baru ini, konflik Palestin-Israel dan penularan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), beliau berkata, negara masih mampu berkembang 4.2 peratus tahun lepas dan dijangka mencapai pertumbuhan 4.5 peratus tahun ini.

"Kita mesti menentang sebarang langkah ke arah gerakan melampau dan dasar serta tindakan tidak toleran yang boleh menghancurkan Malaysia. Ini kemungkinan termasuk tindakan sasaran yang jelas seperti gerakan menggalakkan militan.

"Dengan itu, kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga terhadap elemen yang boleh menggugat perpaduan kita, memberi kesan keamanan dan harmoni, serta menghalang kemajuan dan pembangunan kita. Kita mesti melindungi pencapaian unik kita," katanya.

Beliau menyeru ahli perniagaan supaya memberi respon dan mengambil kesempatan kepada keadaan dan langkah ini untuk menentang cabaran jangka pendek yang sukar diharungi.

"Kita perlu ada rakyat yang jujur menguruskan perniagaan kita, bukan mereka yang hendak mengaut keuntungan segera daripada rakyat yang tidak mengesyaki apa-apa. Sememangnya kita sepatutnya tidak mempunyai hartawan yang mementingkan diri sendiri dalam sektor korporat Malaysia," katanya.

Katanya, persaingan global merupakan satu cabaran untuk semua rakyat Malaysia dan sama ada ia berjaya sebagai satu negara bergantung kepada amalan harian integriti, kejujuran dan kecemerlangan.

Dengan halangan perdagangan semakin diruntuhkan, Abdullah berkata, ahli perniagaan Malaysia perlu sentiasa mewujudkan dan mengekalkan produk dan perkhidmatan kelas satu yang menuruti mutu antarabangsa untuk bersaing di pasaran serantau dan antarabangsa yang sengit.

"Kita perlu bercakap mengenai penstrukturan ekonomi kita dan apa maknanya kepada cabaran iklim sekarang. Kita perlu mengkaji seperti yang saya telah katakan sumber baru pertumbuhan dan kekayaan," katanya.

Katanya, ahli perniagaan perlu meneroka wilayah dan mewujudkan pasaran baru.

"Saya sentiasa menyatakan visi kita ialah visi 2020. Saya telah menyatakan laluan kita untuk mencapainya memerlukan tidak kurang daripada satu fokus pemikiran pada mencapai kecemerlangan - kecemerlangan dalam pengurusan hal ehwal negara seperti menguruskan perniagaan, kecemerlangan pengurusan dalam sistem penghantaran, di dalam penyelenggaraan perkara yang mudah seperti longkang kepada infrastruktur sofistikated seperti lapangan terbang berkelas dunia," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan menjangka KLBC, sebuah kelab yang sangat berinteraktif untuk memainkan peranan membina untuk menjana respon dan

maklum balas mengenai rancangan dan dasar kerajaan serta merangsang  
pemikiran serta mengemukakan satu cadangan perniagaan yang terbaik. --  
BERNAMA

PK KTC AHM